



**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KERJA
SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS)
MS ISO/IEC 27001:2013 KALI KETUJUH**

TARIKH : **02 FEBRUARI 2018 (JUMAAT)**

MASA : **9.00 PAGI**

TEMPAT : **BILIK WACANA PUTRA 3, ARAS 2, BANGUNAN
PEJABAT TNCPI, UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

KEHADIRAN : **LAMPIRAN A**

MINIT	AGENDA	TINDAKAN/ MAKLUMAN
7.1	ALUAN Pengerusi Pengerusi memulakan mesyuarat dengan bacaan Al-Fatihah dan mengalu-alukan kehadiran penasihat dan ahli jawatankuasa kerja serta wakil ke Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 Kali Ketujuh.	Makluman
7.2	PENGESAHAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KERJA SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 KALI KEENAM Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 Kali Keenam yang diadakan pada 28 September 2017 disahkan tanpa sebarang pindaan.	Makluman

MINIT	AGENDA	TINDAKAN/MAKLUMAN
7.3	PERKARA BERBANGKIT 7.3.1 Mesyuarat meneliti perkara-perkara berbangkit hasil Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 Kali Keenam adalah seperti pada Lampiran B. 7.3.2 Mesyuarat mengambil maklum kesemua perkara yang memerlukan tindakan telah dilaksanakan oleh peneraju yang terlibat. 7.3.2 Mesyuarat mengambil perhatian berkaitan perkara-perkara yang memerlukan tindakan susulan peneraju ISMS, iaitu: (a) <u>Minit 6.4.4 (a)</u> - meminta supaya Peneraju Pusat Data mengemaskini laporan simulasi DRP Sistem SMP yang telah dijalankan 12 Mei 2017 berdasarkan cadangan penambahbaikan semasa mesyuarat. (b) <u>Minit 6.4.4 (b)</u> - meminta supaya pengukuran proses <i>Service Level Agreement</i> (SLA) 95.0 Sokongan ICT Pusat Data terhadap proses pendaftaran pelajar menggunakan Senarai Semak Pemantauan Berkala Pusat Data sediaada dengan penambahan catatan berkaitan proses SLA dilaksanakan semasa hari pendaftaran pelajar baharu. (c) <u>Minit 6.4.4 (c)</u> - mengambil maklum beberapa penambahbaikan yang perlu diambil tindakan untuk proses pendaftaran pelajar baharu akan datang antaranya seperti berikut: - Susunan kaunter yang membolehkan semakan dibuat terlebih dahulu sebelum penyerahan kad matrik kepada pelajar; dan - Kad matrik pelajar disusun dan diasingkan mengikut kolej kediaman dan diserahkan lebih awal kepada pihak kolej. (d) <u>Minit 6.8.1</u> – meminta semua peneraju menyemak senarai dokumen rujukan luar yang dipaparkan dalam eISO dan memaklumkan kepada pihak CQA sekiranya ada dokumen yang dirujuk tetapi tidak dipaparkan dalam eISO.	Makluman Makluman Peneraju Pusat Data Peneraju Pusat Data Peneraju Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Semua Peneraju ISMS

MINIT	AGENDA	TINDAKAN/ MAKLUMAN						
7.4	LAPORAN PENCAPAIAN OBJEKTIF KESELAMATAN MAKLUMAT SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 Mesyuarat: 7.4.1 mengambil maklum Laporan Pencapaian Objektif Keselamatan Maklumat tahun 2017 adalah seperti mana perincian di Lampiran C. 7.4.2 mengambil maklum kesemua empat (4) objektif keselamatan maklumat telah mencapai sasaran yang ditetapkan. 7.4.3 bersetuju meluluskan kesemua pencapaian Objektif Keselamatan Maklumat Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 tahun 2017. 7.4.4 meneliti dan bersetuju dengan penetapan Objektif Keselamatan Maklumat tahun 2018 daripada empat (4) kepada enam (6) mengambilkira aktiviti perluasan skop penilaian pengajaran sebagaimana di Lampiran D. 7.4.5 mengambil maklum dan bersetuju dengan kaedah pengukuran bagi objektif ISMS baharu sepertimana berikut: <table><tr><th>Objektif</th><th>Kaedah Pengukuran</th></tr><tr><td>Memastikan penilaian pengajaran setiap pelajar adalah rahsia</td><td>1. tiada aduan/insiden berkaitan penilaian pengajaran 2. permohonan semakan penilaian mengikut pelajar oleh pensyarah/fakulti adalah tidak dibenarkan.</td></tr><tr><td>Memastikan pelajar yang membuat penilaian merupakan pelajar berdaftar dalam Sistem Maklumat Pelajar (eSMP) dan <i>Graduate Information Management System</i> (iGIMS)</td><td>Verifikasi/pengesahan oleh pihak PTJ ke atas senarai nama pelajar yang mendaftar dan masih aktif bagi setiap kursus.</td></tr></table>	Objektif	Kaedah Pengukuran	Memastikan penilaian pengajaran setiap pelajar adalah rahsia	1. tiada aduan/insiden berkaitan penilaian pengajaran 2. permohonan semakan penilaian mengikut pelajar oleh pensyarah/fakulti adalah tidak dibenarkan.	Memastikan pelajar yang membuat penilaian merupakan pelajar berdaftar dalam Sistem Maklumat Pelajar (eSMP) dan <i>Graduate Information Management System</i> (iGIMS)	Verifikasi/pengesahan oleh pihak PTJ ke atas senarai nama pelajar yang mendaftar dan masih aktif bagi setiap kursus.	Makluman Makluman Makluman Sekretariat Pusat Jaminan Kualiti Peneraju Penilaian Pengajaran
Objektif	Kaedah Pengukuran							
Memastikan penilaian pengajaran setiap pelajar adalah rahsia	1. tiada aduan/insiden berkaitan penilaian pengajaran 2. permohonan semakan penilaian mengikut pelajar oleh pensyarah/fakulti adalah tidak dibenarkan.							
Memastikan pelajar yang membuat penilaian merupakan pelajar berdaftar dalam Sistem Maklumat Pelajar (eSMP) dan <i>Graduate Information Management System</i> (iGIMS)	Verifikasi/pengesahan oleh pihak PTJ ke atas senarai nama pelajar yang mendaftar dan masih aktif bagi setiap kursus.							

MINIT	AGENDA	TINDAKAN/MAKLUMAN
7.5	LAPORAN DOKUMENTASI SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 Mesyuarat: 7.5.1 mengambil maklum laporan cadangan pindaan dokumen Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 iaitu bagi <i>Statement of Applicability</i> (SoA) adalah sepertimana pada Lampiran E. 7.5.2 mengambil maklum secara keseluruhan, perubahan terhadap <i>Statement of Applicability</i> (SoA) adalah berdasarkan kepada aktiviti perluasan skop penilaian pengajaran. 7.5.3 meminta peneraju penilaian pengajaran membuat penambahbaikan dengan memasukkan kawalan berkaitan prosedur/arahan kerja dan Perkara Akademik yang berkaitan dengan proses penilaian pengajaran. 7.5.4 meneliti dan bersetuju meluluskan cadangan pindaan dokumen <i>Statement of Applicability</i> (SoA) yang dikemukakan dengan beberapa penambahbaikan dan akan dikuatkuasakan pada tarikh 16 Mac 2018.	Makluman Makluman Peneraju Penilaian Pengajaran Sekretariat Pusat Jaminan Kualiti/ Timbalan Pegawai Kawalan Dokumen (TPKD) IDEC
7.6	LAPORAN PENILAIAN RISIKO (RA) DAN PELAN PEMULIHAN RISIKO (RTP) SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 Mesyuarat: 7.6.1 mengambil maklum penilaian risiko telah dilaksanakan melalui Bengkel Semakan dan Pembentangan Penilaian Risiko ISMS yang dijalankan pada 10 hingga 11 Januari 2018. Bagaimanapun hasil bengkel berkenaan tidak dapat dibentangkan pada mesyuarat kali ini memandangkan pelaporan yang diperolehi mendapati hampir 80% peneraju melaporkan risiko berada pada tahap rendah (low) dan ianya agak tidak selari dengan jumlah aset/ancaman yang telah dikenalpasti.	Makluman

MINIT	AGENDA	TINDAKAN/ MAKLUMAN
	7.6.2 bersetuju slot khas diadakan diantara Penyelaras Penilaian Risiko ISMS dengan setiap peneraju ISMS bagi menyemak kembali laporan penilaian risiko ini mengambil kira cadangan penambahbaikan berikut: (a) mengenalpasti kembali risiko dengan tahap rendah (low) supaya boleh dipertimbangkan menjadi sederhana (medium) mengambilkira aset/kawalan yang telah dilaksana; (b) kawalan (safeguard) perlu merujuk kepada tindakan yang berlaku di bawah kawalan peneraju sendiri; dan (c) meneliti kembali data yang diambil (extract) daripada Sistem MyRAM supaya jumlah aset dan ancaman yang diperolehi menepati apa yang diperlukan. 7.6.3 bersetuju laporan penilaian risiko semakan Januari 2018 yang telah dikemaskini akan dibawa untuk kelulusan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja ISMS akan datang.	Penyelaras Penilaian Risiko ISMS/ Peneraju ISMS yang berkenaan Penyelaras Penilaian Risiko ISMS
7.7	LAPORAN PERLUASAN SKOP SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 TAHUN 2018 Mesyuarat: 7.7.1 mengambil maklum laporan perluasan skop ISMS tahun 2018 yang melibatkan skop penilaian pengajaran akan mula dikuatkuasakan pada Mac 2018. Perincian mengenai laporan perluasan skop penilaian pengajaran adalah seperti di Lampiran F. 7.7.2 meminta supaya pihak Pusat Pembangunan Akademik selaku peneraju proses penilaian pengajaran membuat pemakluman awal kepada pihak PTJ dan juga Mesyuarat Jawatankuasa Pengajaran dan Pembelajaran UPM berkaitan pelaksanaan perluasan skop ISMS bagi penilaian pengajaran pada tahun 2018 sebelum pelaksanaan Taklimat Kesedaran dan Perluasan Skop ISMS pada 8 Mac 2018. 7.7.3 mengambil maklum perluasan bagi skop pengurusan harta intelek terpaksa ditangguhkan buat sementara waktu atas faktor permasalahan teknikal berkaitan Sistem UPMIP.	Makluman Peneraju Penilaian Pengajaran Makluman

MINIT	AGENDA	TINDAKAN/ MAKLUMAN
	Perkara ini telah dipersetujui oleh Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) Kali ke 624 pada 1 November 2017.	
7.8	LAPORAN PELAKSANAAN SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 SETIAP PENERAJU ISMS 7.8.1 Mesyuarat meneliti laporan pelaksanaan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat setiap peneraju ISMS yang merangkumi maklumat struktur organisasi dan pelaksanaan aktiviti ISMS anjuran peneraju ISMS Perincian mengenai pelaporan setiap peneraju adalah seperti di Lampiran G. 7.8.2 Mesyuarat meminta semua peneraju memastikan sekurang-kurangnya satu (1) atau dua (2) aktiviti/operasi ISMS dilaksanakan di peringkat peneraju bagi membolehkan ianya dapat dilaporkan pada setiap Mesyuarat Jawatankuasa Kerja ISMS.	Makluman Semua Peneraju ISMS
7.9	HAL-HAL LAIN 7.9.1 Status Penutupan Penemuan Audit Dalam ISMS Tahun 2017 (a) Mesyuarat mengambil maklum status penutupan bagi 14 Laporan Ketakakuran (NCR) dan 13 Laporan Peluang Penambahbaikan (OFI) Audit Dalam ISMS Tahun 2017 adalah sepertimana yang dipaparkan melalui Portal Audit Dalam. (b) Mesyuarat mengambil maklum sehingga 2 Februari 2018, tiga (3) NCR telah ditutup, satu (1) NCR digugurkan, Sembilan (9) NCR belum ditutup dan satu (1) NCR belum cukup tempoh. Pemantauan ke atas penutupan dibuat dari masa ke semasa oleh Penyelaras Audit Dalam UPM melalui emel dan Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti UPM. (c) Mesyuarat meminta supaya peneraju kepada NCR yang belum ditutup supaya mengambil tindakan penutupan segera berkaitan perkara ini.	Makluman Makluman Peneraju ISMS yang terlibat/ Sekretariat Pusat Jaminan Kualiti

MINIT	AGENDA	TINDAKAN/ MAKLUMAN
	7.9.2 Status Penutupan Penemuan Audit SIRIM ISMS 2017 (a) Mesyuarat mengambil maklum sehingga 2 Februari 2018, kesemua peneraju telah memberi maklum balas pelan tindakan ke atas penemuan lapan (8) laporan Peluang Penambahbaikan hasil dapatan Audit Pemantauan Semakan 2 SIRIM ISMS Tahun 2017. Perincian adalah sepertimana di Lampiran H. (b) Mesyuarat meminta supaya semua peneraju ISMS dapat melaksanakan tindakan selewat-lewatnya sebulan sebelum pelaksanaan Audit SIRIM ISMS tahun 2018. 7.9.3 Pertukaran Peneraju Proses Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Bintulu) Mesyuarat mengambil maklum dan bersetuju dengan cadangan pertukaran Peneraju Proses Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Serdang daripada Bahagian Hal Ehwal Pelajar kepada Bahagian Akademik.	Makluman Peneraju ISMS yang terlibat Peneraju Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Bintulu)
7.10	PENANGGUHAN MESYUARAT Mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.10 tengahari dengan ucapan terima kasih daripada Pengerusi.	

**SENARAI KEHADIRAN
MESYUARAT JAWATANKUASA KERJA
SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013
KALI KETUJUH**

HADIR

- | | |
|--|---------------------|
| 1. Encik Mohd Faizal Daud | - Pengerusi |
| 2. Encik Rosmi Othman (Penasihat Jawatankuasa Kerja ISMS) | |
| 3. Encik Shahril Iskandar Amir (Peneraju, Pasukan Pusat Data) | |
| 4. Puan Yasminani Mohamad (Peneraju, Pasukan Penilaian Pengajaran) | |
| 5. Puan Hashimah Amat Sejani (Penyelaras Penilaian Risiko ISMS) | |
| 6. Puan Nurul Fatimah Md Marham (Penyelaras Penilaian Risiko ISMS) | |
| 7. Puan Shamriza Shari | - Setiausaha |

TURUT HADIR

1. Puan Suhana Md Chairi (Wakil Tuan Haji Rosdi Wah)
2. Encik Azlan Ibrahim (Wakil Encik Mohd Nazri Noh)
3. Encik Sudirman Asmadi (Wakil Dr. Aryaty Alwie) - *melalui Video Konferen*
4. Puan Mazitah Ahmad (Pejabat Bursar)
5. Encik Zulkifli Ibrahim (Bahagian Hal Ehwal Pelajar)
6. Puan Rahayu Hashim (Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi)

TIDAK HADIR (DENGAN KENYATAAN)

1. Tuan Haji Rosdi Wah (Penasihat Jawatankuasa Kerja ISMS)
2. Encik Mohd Nazri Noh
(Peneraju, Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah – Kampus Serdang)
3. Dr. Aryaty Alwie
(Peneraju, Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah – Kampus Bintulu)

**TINDAKAN SUSULAN BAGI PERKARA BERBANGKIT
MESYUARAT JAWATANKUASA KERJA SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS),
KALI KEENAM PADA 28 SEPTEMBER 2017**

BIL	MINIT	AGENDA	TINDAKAN	STATUS PELAKSANAAN TINDAKAN									
1.	6.4	LAPORAN PENCAPAIAN OBJEKTIF KESELAMATAN MAKLUMAT SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 6.4.3 meneliti dan bersetuju supaya pernyataan bagi dua (2) daripada empat (4) objektif keselamatan maklumat tahun 2017 dipinda dengan menyusun semula perkataan (reword) supaya lebih jelas menggambarkan pengukuran yang dikehendaki tanpa memberi kesan terhadap pengukuran yang telah dibuat. Objektif keselamatan maklumat yang terlibat adalah seperti berikut: <table><tr><th>Bil</th><th>Penyataan Objektif Asal</th><th>Penyataan Objektif Baharu</th></tr><tr><td>1.</td><td>Memastikan pelajar prasiswazah yang mendaftar mengemukakan tawaran yang sah</td><td>Memastikan pelajar prasiswazah yang mengemukakan tawaran yang sah dibenarkan mendaftar</td></tr><tr><td>2.</td><td>Meningkatkan pembayaran yuran pengajian secara atas talian</td><td>Memastikan pembayaran yuran pengajian adalah secara atas talian</td></tr></table>	Bil	Penyataan Objektif Asal	Penyataan Objektif Baharu	1.	Memastikan pelajar prasiswazah yang mendaftar mengemukakan tawaran yang sah	Memastikan pelajar prasiswazah yang mengemukakan tawaran yang sah dibenarkan mendaftar	2.	Meningkatkan pembayaran yuran pengajian secara atas talian	Memastikan pembayaran yuran pengajian adalah secara atas talian	Sekretariat Pusat Jaminan Kualiti	Tindakan telah dilaksanakan dan telah dimuatnaik untuk paparan e-ISO UPM. Laporan pencapaian 2017 ini seterusnya akan dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti UPM Kali ke-38 pada 06 Februari 2018.
Bil	Penyataan Objektif Asal	Penyataan Objektif Baharu											
1.	Memastikan pelajar prasiswazah yang mendaftar mengemukakan tawaran yang sah	Memastikan pelajar prasiswazah yang mengemukakan tawaran yang sah dibenarkan mendaftar											
2.	Meningkatkan pembayaran yuran pengajian secara atas talian	Memastikan pembayaran yuran pengajian adalah secara atas talian											

2.	6.4	6.4.4 bersetuju meluluskan kesemua pencapaian Objektif Keselamatan Maklumat Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 tahun 2017. Bagi tujuan penambahbaikan, mesyuarat mencadangkan beberapa tindakan susulan dibuat oleh peneraju ISMS yang terlibat seperti berikut: (a) menyediakan laporan terperinci untuk proses simulasi DRP Sistem SMP yang dijalankan pada 12 Mei 2017; (b) menyediakan senarai semak untuk pengukuran proses <i>Service Level Agreement</i> (SLA) 95.0 Sokongan ICT Pusat Data terhadap proses pendaftaran pelajar bebas daripada gangguan; dan (c) mencadangkan mesyuarat <i>post-mortem</i> dibuat terhadap pelaksanaan proses pendaftaran pelajar baharu prasiswazah sesi 2017/2018.	Peneraju Pusat Data Peneraju Pusat Data Peneraju Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah	Telah dilaksanakan. Telah dilaksanakan. Mesyuarat <i>post-mortem</i> telah dilaksanakan terhadap pelaksanaan proses pendaftaran pelajar baharu prasiswazah sesi 2017/2018 pada 4 Oktober 2017 yang lepas.
3.	6.5	LAPORAN DOKUMENTASI SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 6.5.3 meneliti dan bersetuju meluluskan cadangan pindaan dokumen SoA yang dikemukakan dan akan dikuatkuasakan pada tarikh 13 Oktober 2017.	Sekretariat Pusat Jaminan Kualiti/ Timbalan Pegawai Kawalan Dokumen (TPKD) IDEC	Tindakan telah dilaksanakan. Dokumen terkini <i>Statement of Applicability</i> (SoA) telah dikuatkuasakan pada tarikh 13 Oktober 2017 dan dipaparkan dalam portal e-ISO UPM.

4.	6.5	6.5.4 meminta supaya semua peneraju mengambil perhatian dan tindakan terhadap kawalan yang dinyatakan dalam SoA yang perlu dilaksanakan oleh setiap peneraju ISMS. Dokumen SoA terkini boleh dirujuk melalui Portal e-ISO UPM.	Semua Peneraju ISMS	Semua peneraju telah/sedang melaksanakan tindakan kawalan sebagaimana yang dinyatakan dalam SoA.
5.	6.6	LAPORAN PENILAIAN RISIKO (RA) DAN PELAN PEMULIHAN RISIKO (RTP) SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 6.6.3 meneliti dan bersetuju meluluskan Laporan Penilaian Risiko dan Pelan Pemulihan Risiko ISMS (Semakan September 2017).	Penyelaras Penilaian Risiko ISMS/ Peneraju ISMS yang berkenaan	Tindakan telah dilaksanakan. Rujukan terkini laporan penilaian risiko ISMS adalah sebagaimana pelaporan dalam Sistem MyRAM (semakan September 2017).
6.	6.7	LAPORAN PELAKSANAAN SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 SETIAP PENERAJU ISMS 6.7.2 Mesyuarat meminta semua peneraju memastikan rekod berkaitan aktiviti ISMS yang dianjurkan disimpan dan diselenggara dengan baik bagi memudahkan rujukan semasa proses audit atau sekiranya diperlukan.	Semua Peneraju ISMS	Setiap peneraju proses diminta melaporkan status pelaksanaan terkini aktiviti ISMS masing-masing semasa mesyuarat JK Kerja ISMS akan datang.
7.	6.7	6.7.3 Mesyuarat meminta supaya templat pelaporan setiap peneraju ISMS dikemaskini dengan menambah ruangan hasil anjuran aktiviti ISMS oleh setiap peneraju yang mempengaruhi pelaksanaan ISMS.	Sekretariat Pusat Jaminan Kualiti	Telah dilaksanakan. Templat telah ditambahbaik berdasarkan cadangan mesyuarat untuk kegunaan mesyuarat berikutnya.

8.	6.7	6.7.4 Mesyuarat mengambil perhatian bahawa tarikh kuatkuasa bagi perluasan skop Penilaian Pengajaran dan Pengurusan Harta Intelek adalah pada 1 Januari 2018 sebagaimana yang telah dipersetujui semasa sesi perbincangan dengan Datin Paduka Naib Canselor pada 2 Jun 2017. Justeru, data bagi kedua-dua peneraju yang akan diaudit adalah bermula pada 1 Januari 2018. Bagi melancarkan lagi persediaan perluasan skop berkenaan, mesyuarat meminta supaya peneraju perluasan skop mengadakan taklimat kesedaran kepada staf di PTJ masing-masing berkaitan pelaksanaan ISMS.	Peneraju Penilaian Pengajaran & Peneraju Pengurusan Harta Intelek	Sesi taklimat kesedaran ISMS dan pelaksanaan perluasan skop ISMS - penilaian pengajaran akan dilaksanakan kepada semua staf yang terlibat dalam proses penilaian pengajaran pada 8 Mac 2018.
9.	6.8	HAL-HAL LAIN 6.8.1 Persediaan Audit Pemantauan Semakan 2 SIRIM Tahun 2017 (d) Mesyuarat meminta supaya Peneraju Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah melaksanakan tindakan berikut: (i) menyediakan slaid penerangan berkaitan proses pendaftaran pelajar baharu prasiswazah sesi 2017/2018 untuk dibentangkan semasa hari audit di Bahagian Hal Ehwal Pelajar; (ii) menyemak kaedah penyimpanan rekod yang terlibat selepas proses pendaftaran pelajar selesai (softcopy/hardcopy); (iii) memastikan pegawai yang bertanggungjawab bagi setiap entiti di bawah Peneraju Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah dijemput sama semasa sesi audit. Senarai nama pegawai yang terlibat adalah seperti berikut: • Encik Mohd Nazri Noh (BHEP); • Encik Abdul Ghani Yon (BHEP);	Peneraju Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang)	(i) Setiausaha Minggu Perkasa Putra telah menyediakan slaid penerangan berkaitan proses pendaftaran pelajar baharu prasiswazah sesi 2017/2018 dan telah dibentangkan semasa hari audit dijalankan bertempat di Bilik Mesyuarat Bunga Raya, BHEP. (ii) Pihak Kolej Kediaman telah menyimpan rekod pelajar selepas pendaftaran pelajar baharu selesai dalam bentuk kaedah <i>hardcopy</i> dan disimpan di pejabat kolej kediaman masing-masing. (iii) Semua pegawai yang bertanggungjawab bagi setiap entiti di bawah Peneraju Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah telah hadir semasa proses audit dijalankan bertempat di Bilik Mesyuarat Bunga Raya, BHEP.

		• Encik Hanis Johari (BHEP); • Puan Suhana Md Chairi (AKAD); • Puan Mazitah Ahmad (BUR); • Dr. Latif Anwar (BKU); • Encik Mohd Nidzam Ismail (BKU); • Encik Mohd Junaidi Haji Yasin (KTDI); • Puan Askina Aziz (K5); • Dr. Suhyna Mohamad Sulaiman (PKU); dan • Puan Rosliza Ibrahim (iDEC).		
10.	6.8.1	(e) Mesyuarat meminta semua ahli mengambil perhatian terhadap keperluan Klausu 4.2 berkaitan <i>legal & regulatory requirement</i> . Mesyuarat mencadangkan supaya surat/panduan dikeluarkan berkaitan pematuhan terhadap klausu ini pada tahun hadapan.	Pengerusi/ Sekretariat Pusat Jaminan Kualiti	Tindakan telah dilaksanakan dengan memaparkan senarai dokumen rujukan luar ISMS dalam Portal e-ISO UPM.
11.	6.8	6.8.2 Status Penutupan Penemuan Audit Dalam ISMS 2017 (NCR/OFI) (c) Mesyuarat meminta peneraju ISMS yang telah lengkap melaksanakan tindakan supaya memuatnaik bukti tindakan ke dalam Portal Audit Dalam bagi membolehkan NCR/OFI disemak dan ditutup oleh Juruaudit yang terlibat.	Peneraju ISMS yang terlibat	Rujuk Laporan Agenda 9.1 – Status Penutupan Penemuan Audit Dalam ISMS Tahun 2017.

**LAPORAN PENCAPAIAN OBJEKTIF DAN SASARAN KESELAMATAN MAKLUMAT
TAHUN 2017**

BIL	PENYATAAN OBJEKTIF ASAL	PENYATAAN OBJEKTIF BAHARU	SASARAN	PENERAJU	PENCAPAIAN (2017)
1.	Memastikan pelajar prasiswazah yang mendaftar mengemukakan tawaran yang sah	Memastikan pelajar prasiswazah yang mengemukakan tawaran yang sah dibenarkan mendaftar*	100%	Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang dan Bintulu)	100%
2.	Meningkatkan pembayaran yuran pengajian secara atas talian	Memastikan pembayaran yuran pengajian adalah secara atas talian*	80% (UPM Serdang) 60% (UPM Bintulu)	Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang dan Bintulu)	100% (UPM Serdang) (3280 daripada 3280 pelajar program bacelor membayar yuran secara atas talian) 98% (UPM Bintulu) (45 daripada 46 pelajar program bacelor membayar yuran secara atas talian)
3.	Memastikan proses pemulihan sistem aplikasi pendaftaran pelajar baharu dapat dilaksanakan	Tiada perubahan	≤ 8 jam	Pasukan Pusat Data	Simulasi DRP Sistem SMP pada 12 Mei 2017 telah berjaya dilaksanakan pemulihan selepas 7 jam 40 minit
4.	Memastikan <i>Service Level Agreement</i> (SLA) 95.0 sokongan ICT Pusat Data (rangkaian, sistem aplikasi dan pangkalan data) terhadap proses pendaftaran pelajar baharu bebas dari gangguan setiap semester	Tiada perubahan	95%	Pasukan Pusat Data	100% (berdasarkan Senarai Semak Pemantauan Berkala Pusat Data (UPM/ISMS/OPR/BR06/ Pemantauan Berkala) semasa hari pendaftaran pelajar baharu))

Nota: * Perubahan pernyataan adalah berdasarkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja ISMS Kali Keenam pada 28 September 2017 dan hanya melibatkan penyusunan semula perkataan (reword) yang tidak memberi kesan kepada pengukuran sediaada.

Lampiran D**PENETAPAN OBJEKTIF DAN SASARAN KESELAMATAN MAKLUMAT TAHUN 2018**

BIL	PENYATAAN OBJEKTIF	SASARAN	PENERAJU	CATATAN
1.	Memastikan pelajar prasiswazah yang mengemukakan tawaran yang sah dibenarkan mendaftar	100%	Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang dan Bintulu)	Objektif Sedia ada (Sasaran dikekalkan sebagaimana tahun sebelumnya)
2.	Memastikan pembayaran yuran pengajian adalah secara atas talian	98% (UPM Serdang) 75% (UPM Bintulu)	Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang dan Bintulu)	Objektif Sedia ada (Bagi UPM Serdang, pindaan sasaran dari 80% kepada 98 dan bukannya 100% mengambilkira risiko pelajar tidak dapat membuat pembayaran secara <i>online</i> disebabkan oleh kemungkinan sistem perbankan tergendala pada tempoh yang ditetapkan. Manakala bagi UPM Bintulu pindaan sasaran dari 60% kepada 75% dan bukannya 100% mengambilkira faktor risiko adanya pelajar dari pendalaman yang tidak mempunyai akses internet dan perbankan untuk tujuan pembayaran secara <i>online</i>)

BIL	PENYATAAN OBJEKTIF	SASARAN	PENERAJU	CATATAN
3.	Memastikan proses pemulihan sistem aplikasi pendaftaran pelajar baharu dapat dilaksanakan	≤ 8 jam	Pasukan Pusat Data	Objektif Sedia ada (Sasaran dikekalkan sebagaimana tahun sebelumnya)
4.	Memastikan <i>Service Level Agreement</i> (SLA) 95.0 sokongan ICT Pusat Data (rangkaian, sistem aplikasi dan pangkalan data) terhadap proses pendaftaran pelajar baharu bebas dari gangguan setiap semester	95%	Pasukan Pusat Data	Objektif Sedia ada (Sasaran dikekalkan sebagaimana tahun sebelumnya)
5.	Memastikan penilaian pengajaran setiap pelajar adalah rahsia	100%	Pasukan Penilaian Pengajaran	Objektif Baharu
6.	Memastikan pelajar yang membuat penilaian merupakan pelajar berdaftar dalam Sistem Maklumat Pelajar (eSMP) dan <i>Graduate Information Management System</i> (iGIMS)	100%	Pasukan Penilaian Pengajaran	Objektif Baharu

**MESYUARAT JAWATANKUASA KERJA
SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013
KALI KETUJUH**

**LAPORAN DOKUMENTASI ISMS:
CADANGAN PINDAAN DOKUMEN (CPD)**

1. TUJUAN

Kertas ini adalah untuk mendapat pengesahan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) Universiti Putra Malaysia (UPM) Kali Ketujuh berkaitan cadangan pindaan dokumen ISMS iaitu *Statement of Applicability* (UPM/ISMS/OPR/SOA).

2. CADANGAN PINDAAN DOKUMEN

Cadangan perubahan ke atas *Statement of Applicability* (UPM/ISMS/OPR/SOA) adalah berdasarkan penambahbaikan yang perlu dilaksanakan hasil aktiviti perluasan skop penilaian pengajaran. Perincian mengenai huraian pindaan dokumen boleh dirujuk pada **Lampiran 1**.

3. SYOR

Ahli mesyuarat diminta mengambil tindakan sepertimana berikut:

- i) mengambil perhatian terhadap pindaan *Statement of Applicability* (UPM/ISMS/OPR/SOA); dan
- ii) meluluskan cadangan pindaan *Statement of Applicability* (UPM/ISMS/OPR/SOA) untuk dikuatkuasakan pada 16 Mac 2017.

HURAIAN PINDAAN DOKUMEN ISO UPM

No. CPD	Pemilik Proses	Huraian Pindaan Dokumen *		Tambahan (T) / Pemotongan (P)
		Asal	Pindaan	
ISMS (IDEC): 1/2018	iDEC	Nama Dokumen: STATEMENT OF APPLICABILITY Kod Dokumen:UPM/ISMS/SOK/SOA No. Isu:_02_, No. Semakan:_00_, Tarikh Kuatkuasa: 13/10/2017	Nama Dokumen: STATEMENT OF APPLICABILITY Kod Dokumen:UPM/ISMS/SOK/SOA No. Isu:_02_, No. Semakan:_01_, Tarikh Kuatkuasa: 16/03/2017	
		SEC : A.9.4.2 Owner : Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi Current Control : • GPKTMK Perkara 9.3 : Kawalan Akses Sistem Pengoperasian Server • Prosedur Kawalan dan Pemantauan Capaian ke Sistem di Pusat Data (UPM/ISMS/OPR/P003)	SEC : A.9.4.2 Owner : Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi & <u>Pusat Pembangunan Akademik</u> Current Control : • <u>GPKTMK Perkara 9.0 : Kawalan Akses</u> • GPKTMK Perkara 9.3 : Kawalan Akses Sistem Pengoperasian Server • Prosedur Kawalan dan Pemantauan Capaian ke Sistem di Pusat Data (UPM/ISMS/OPR/P003)	T
		SEC : A.12.3.1 Owner : Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi Current Control : • GPKTMK Perkara 12.3 (a) : Backup • Garis Panduan Pengurusan Backup Pangkalan Data (UPM/ISMS/OPR /GP14/BACKUP) • Garis Panduan Penggunaan Data Pengujian (UPM/ISMS/OPR/GP15/DATA PENGUJIAN)	SEC : A.12.3.1 Owner : Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi & <u>Pusat Pembangunan Akademik</u> Current Control : • GPKTMK Perkara 12.3 (a) : Backup • Garis Panduan Pengurusan Backup Pangkalan Data (UPM/ISMS/OPR /GP14/BACKUP) • Garis Panduan Penggunaan Data Pengujian (UPM/ISMS/OPR/GP15/DATA PENGUJIAN) • <u>Arahan Kerja Pengurusan Backup (UPM/ISMS/OPR/AK02)</u>	T

		SEC : A.12.4.3 Owner : Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi Current Control : • Prosedur Kawalan dan Pemantauan Capaian ke Sistem di Pusat Data (UPM/ISMS/OPR/P003) • Garis Panduan Pengurusan Identiti (UPM/ISMS/SOK/GP07/IDENTITI)	SEC : A.12.4.3 Owner : Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi & <u>Pusat Pembangunan Akademik</u> Current Control : • Prosedur Kawalan dan Pemantauan Capaian ke Sistem di Pusat Data (UPM/ISMS/OPR/P003) • Garis Panduan Pengurusan Identiti (UPM/ISMS/SOK/GP07/IDENTITI) • <u>Garis Panduan Perlindungan Maklumat Log (UPM/ISMS/OPR/GP08//MAKLUMAT LOG)</u>	T
		SEC : A.13.1.1 Owner : Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi Current Control : • GPKTMK 13.2 : Kawalan Akses Rangkaian • Garis Panduan Pengurusan Pengagihan Rangkaian (UPM/ISMS/OPR/ /GP13/AGIHAN RANGKAIAN) • Garis Panduan Pengurusan UPM-ID (UPM/ISMS/OPR/GP16/UPM-ID)	SEC : A.13.1.1 Owner : Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi & <u>Pusat Pembangunan Akademik</u> Current Control : • <u>GPKTMK 13.1: Pengurusan Keselamatan Rangkaian</u> • GPKTMK 13.2 : Kawalan Akses Rangkaian • Garis Panduan Pengurusan Pengagihan Rangkaian (UPM/ISMS/OPR/ /GP13/AGIHAN RANGKAIAN) • Garis Panduan Pengurusan UPM-ID (UPM/ISMS/OPR/GP16/UPM-ID)	T

**MESYUARAT JAWATANKUASA KERJA
SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013
KALI KETUJUH**

**LAPORAN PERLUASAN SKOP
SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013
TAHUN 2018**

1. TUJUAN

Kertas ini adalah untuk memaklumkan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) Universiti Putra Malaysia (UPM) berkaitan laporan aktiviti perluasan skop Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 tahun 2018 yang melibatkan skop Penilaian Pengajaran di bawah peneraju Pusat Pembangunan Akademik (CADE).

2. LATARBELAKANG

Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) UPM Tahun 2015 telah mencadangkan supaya skop Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) diperluaskan mengambilkira skop berkaitan *Massive Open Online Course* (MOOC) dan pre-commercialization (precom).

Perbincangan dengan pihak Pusat Pembangunan Akademik (CADE) telah diadakan pada 5 Februari 2016 dan 10 Mac 2016 bagi membincangkan mengenai perluasan skop ISMS berkaitan (MOOC). Perbincangan dengan pihak Pusat Pembangunan Akademik (CADE) telah diadakan pada 5 Februari 2016 dan 10 Mac 2016 bagi membincangkan mengenai perluasan skop ISMS berkaitan MOOC. Hasil perbincangan dipersetujui untuk tidak memasukkan MOOC dalam skop sebaliknya digantikan dengan Penilaian Pengajaran Online (PPO). Perbincangan dengan pihak *Putra Science Park* (PSP) telah diadakan pada 8 Jun 2016 berkaitan skop precom dan dipersetujui untuk dilaksanakan ISMS menjurus kepada proses dalam aplikasi UPM IP (fasa pertama perlaksanaan bagi skop precom).

Bermula dari penghujung tahun 2016, pelbagai aktiviti ISMS telah dirancang dan dilaksanakan yang turut mengambilkira aktiviti ISMS bagi perluasan skop Penilaian Pengajaran dan Pengurusan Harta Intelekt serta perluasan entiti bagi skop Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah ke UPM Kampus Bintulu (UPMKB). Antara aktiviti telah dilaksanakan adalah seperti taklimat kesedaran, semakan dokumentasi, kursus audit dalaman dan bengkel penyediaan/penilaian risiko ISMS sebagaimana keperluan Standard MS ISO/IEC 27001:2013. Hasilnya, melalui Audit Pemantauan Semakan 2 ISMS oleh pihak SIRIM pada 6 September 2017, pihak Juruaudit SIRIM telah mengesyorkan supaya skop ISMS bagi Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah diperluaskan ke UPMKB.

Bagaimanapun, bagi aktiviti perluasan skop baharu ISMS yang dicadangkan, hanya satu skop yang akan dilaksanakan pada tahun 2018 iaitu skop Penilaian Pengajaran manakala skop Pengurusan Harta Intelekt terpaksa ditangguhkan buat sementara waktu atas faktor permasalahan teknikal berkaitan Sistem UPMIP. Perkara ini telah diputuskan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) Kali ke 624 pada 1 November 2017.

3. PERANCANGAN AKTIVITI ISMS TAHUN 2018

Perluasan skop bagi Penilaian Pengajaran dicadang untuk mula dikuatkuasakan pada Mac 2018. Perincian mengenai aktiviti Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 tahun 2018 mengambilkira aktiviti perluasan skop penilaian pengajaran adalah seperti di **Lampiran 1.**

4. SYOR

Ahli mesyuarat diminta mengambil tindakan sepertimana berikut:

- i) mengambil maklum laporan perluasan skop ISMS bagi penilaian pengajaran pada tahun 2018; dan
- ii) mengambil perhatian berkaitan tarikh-tarikh pelaksanaan aktiviti ISMS pada tahun 2018 sepertimana yang dinyatakan dalam Carta Perbatuan ISMS Tahun 2018.

CARTA PERBATUAN AKTIVITI KE ARAH AUDIT PENSIJILAN SEMULA SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS) ISO/IEC 27001:2013 TAHUN 2018

BIL	AKTIVITI/MAKLUMAT	CADANGAN TARIKH	TAHUN 2018																																															
			JAN				FEB				MAC				APRIL				MEI				JUN				JULAI				OGOS				SEPT				OKT				NOV				DIS			
			W1	W2	W3	W4	W1	W2	W3	W4	W1	W2	W3	W4	W1	W2	W3	W4	W1	W2	W3	W4	W1	W2	W3	W4	W1	W2	W3	W4	W1	W2	W3	W4	W1	W2	W3	W4	W1	W2	W3	W4	W1	W2	W3	W4				
1	Bengkel semakan dan pembentangan laporan penilaian risiko (RA) 1/2018	10 - 11 Januari 2018 (Rabu & Khamis)																																																
2	Bengkel pembentangan pelan tindakan penemuan audit SIRIM 2017 dan audit dalaman 2017 (**reshedule date)	25 Januari 2018 (Khamis)																																																
3	Mesyuarat JK Kerja ISMS	2 Februari 2018 (Jumaat)																																																
4	Mesyuarat JK Kualiti	6 Februari 2018 (Selasa)																																																
5	Kuatkuasa Perluasan Skop ISMS (Penilaian Pengajaran)	Mac 2018**																																																
6	Simposium pelaksanaan ISMS 1. Ceramah ISMS oleh pihak SIRIM 2. Taklimat kesedaran ISMS kepada pentadbir PTJ 3. Seminar Keselamatan Maklumat	8-9 Mac 2018* (Khamis & Jumaat)	Cadangan digabungkan dengan Konvensyen Kualiti ISO (QMS, ISMS, EMS). Perancangan pelaksanaan pada tahun 2019.																																															
7	Taklimat kesedaran ISMS dan peluasan skop CADE khas kepada pentadbir PTJ	8-9 Mac 2018* (Khamis & Jumaat)																																																
8	Bengkel Semakan dan Pengemaskinian Dokumen ISMS (Fokus kepada kaedah pengurangan dokumentasi)	13 Mac 2018 (Selasa)																																																
9	Mesyuarat JK Kerja ISMS	6 April 2018 (Jumaat)																																																
10	Mesyuarat JK Kualiti	10 April 2018 (Selasa)																																																
11	Semakan sendiri operasi skop (peneraju)	23-27 April 2018 (Isnin - Jumaat)																																																
12	Bengkel Semakan SoA	31 Mei 2018 (Khamis)																																																
13	Bengkel semakan dan pembentangan laporan penilaian risiko (RA) 2/2018	4 Jun 2018 (Isnin)																																																
14	Mesyuarat JK Kerja ISMS	6 Jun 2018 (Rabu)																																																
15	Pra MKSP ISMS	6 Jun 2018 (Rabu)																																																
16	Audit Dalaman	17 - 19 Julai 2018 (Selasa - Khamis)																																																
17	Bengkel laporan tindakan penemuan audit dalaman	3 Ogos 2018 (Jumaat)																																																
18	MKSP	7 Ogos 2018 (Selasa)																																																
19	Audit Lokasi/ Proses Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah	1 September 2018 (Sabtu)																																																
20	Audit SIRIM	26 Ogos 2018 (pendaftaran pelajar), 1-2 Oktober 2018 (Isnin & Selasa)																																																
21	Mesyuarat JK Kualiti	9 Oktober 2018 (Selasa)																																																
22	Bengkel pelan tindakan penemuan audit SIRIM	12 Oktober 2018 (Jumaat)																																																
23	Bengkel laporan tindakan penemuan audit SIRIM	8 November 2018 (Khamis)																																																

Nota: * Salah satu daripada tarikh sahaja.
 ** Tertakluk kepada perubahan.

**PELAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA KERJA SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT
MS ISO/IEC 27001:2013 SETIAP PENERAJU**

1) Struktur Organisasi Peneraju ISMS

i) Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang)

Setiausaha Minggu Perkasa Putra sesi 2018/2019 – En. Azlan Ibrahim

Timbalan Setiausaha I – En. Zulkifli Ibrahim

Timbalan Setiausaha II – En. Hanis Johari

(Sebagaimana diputuskan dalam Mesyuarat Pengurusan BHEP Disember 2017)

ii) Pasukan Pusat Data

Status Pn. Nurul Fatimah (Sekretariat - Ahli Penyelaras SOA) dalam Struktur Organisasi Peneraju Pusat Data.

**2) AKTIVITI ISMS YANG DIANJURKAN OLEH SETIAP PENERAJU (~~SELAIN ANJURAN CQA~~) YANG MEMPENGARUHI
PELAKSANAAN ISMS**

Bil	Aktiviti/Program (Mesyuarat/Bengkel/Taklimat/Operasi/dll)	Tarikh	Penglibatan pegawai (siapa yang terlibat)
1.	Mesyuarat <i>post-mortem</i> pelaksanaan proses pendaftaran pelajar baharu prasiswazah sesi 2017/2018.	4 Oktober 2017	Pasukan Pendaftaran pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang)
2.	Perbincangan Pelan Tindakan OFI Audit SIRIM	27 Oktober 2017	Pasukan Pusat Data
3.	Bengkel Pelan Tindakan OFI Audit SIRIM	30 Oktober 2017	Pasukan Pusat Data

**MESYUARAT JAWATANKUASA KERJA
SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013
KALI KETUJUH**

**PELAN TINDAKAN PELUANG PENAMBAHBAIKAN (OFI) AUDIT SIRIM
SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS) ISO/IEC 27001:2013 TAHUN 2017**

No. OFI	Klausa	Pernyataan OFI	Pusat Tanggungjawab Terlibat / Sampel Audit	Peneraju Proses dan PTJ lain Terlibat	Pelaksanaan Tindakan
OFI-1	6.1.3	Penguraian risiko keselamatan maklumat Apabila merancang dan menentukan risiko, organisasi boleh menyemak kembali kawalan-kawalan yang di pilih. Di lihat bagi cadangan kawalan rawatan (treatment plan) ia merupakan kawalan-kawalan sedia ada. Ianya bukan kawalan- kawalan baru atau kawalan tambahan yang perlu di wujudkan bagi mengurangkan risiko. (rujuk : Risk Treatment – IDEC)	Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi (iDEC)	Peneraju ISMS Lain	<u>Maklum balas: iDEC</u> Bengkel Semakan Penilaian Risiko Pusat Data (Pusat Data, Rangkaian, Keselamatan ICT dan Pangkalan Data). Laporan penilaian risiko (semakan 1.0 September 2017). Tarikh : 30 Okt 2017 (Isnin)
OFI-2	8.1	Perancangan dan Kawalan Operasi A.9.4.3 Sistem Pengurusan Kata Laluan Akses kata laluan ke pelayan (server) bagi Sistem Maklumat Pelajar (SMP) seperti server DRSMPPDB, DRSMPPAAP dan DRPWEB, tidak dapat menunjukkan bahawa kesemua pelayan patuh kepada GPKTMK (Garis Panduan Keselamatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi). Walau bagaimanapun kerana kekangan sistem organisasi sudah bercadang melaksanakan UPM ID bagi menurunkan risiko kepada kawalan ke atas pengurusan kata laluan ini. Perlaksanaan ke atas kawalan ini masih dalam perancangan.	Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi (iDEC)	-	<u>Maklum balas: iDEC</u> <i>Technology enforcement:</i> Akan melaksanakan access gateway server yang menggunakan UPMID. Status terkini: Dokumen status pelan pelaksanaan baharu permohonan naiktaraf Sistem eSMP menggunakan UPMID

No. OFI	Klausa	Pernyataan OFI	Pusat Tanggungjawab Terlibat / Sampel Audit	Peneraju Proses dan PTJ lain Terlibat	Pelaksanaan Tindakan
OFI-3	8.1	Perancangan dan Kawalan Operasi A.11.2.2 Utiliti sokongan Semasa lawatan ke Pusat Pemulihan Bencana Epsilon, terdapat sebuah bilik yang menempatkan bateri UPS adalah agak panas, terdapat beberapa penghawa dingin yang ditempatkan di situ ,walau bagaimanapun masih tidak dapat menampung suhu bilik tersebut. Organisasi boleh melihat kembali dari segi pengurusan kapasiti ianya adalah memastikan bateri tersebut boleh bertahan lebih lama juga dari mengelakkan terdedah dengan suhu bilik yang tidak sesuai.	Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi (iDEC)	-	<u>Maklum balas: iDEC</u> Menaik taraf sistem pendingin hawa mengikut keperluan bilik. Status: Peruntukan tambahan penghawa dingin telah diluluskan dan lawatan tapak oleh pembekal telah dilaksanakan pada 2/2/2018.
OFI-4	8.1	Perancangan dan Kawalan Operasi A.18.1.3 Perlindungan rekod 1. Kawalan terhadap rekod kesihatan (Filem X-ray) bagi pelajar-pelajar perlu ditambah baik, didapati rekod kesihatan (Filem X-ray) disimpan di dalam almari yang tidak berkunci di dalam ward sementara.	Klinik Satelit, UPM Kampus Bintulu	-	<u>Maklum balas: UPM Kampus Bintulu</u> Mewujudkan almari dan lokasi penyimpan yang berkunci. [Telah disediakan]
		2. Pelaksanaan semakan terhadap dokumen lengkap yang diperlukan di Klinik Satelit perlu ditambah baik. Semakan rekod seharusnya direkodkan oleh PTJ yang berkenaan bukannya kepada Pembantu Perubatan. Namun pengesahan rekod-rekod tersebut dibuat oleh Pembantu Perubatan.	Klinik Satelit, Kampus Bintulu	-	<u>Maklum balas: UPM Kampus Bintulu</u> Menetapkan proses semakan dibuat semasa penerimaan sesuatu perkhidmatan / tindakan bagi suntikan untuk setiap pelajar baharu. [Telah dilaksanakan proses baharu semasa audit SIRIM]
OFI-5	7.2 (d)	Kompetensi Latihan kepada Juruaudit Dalaman ISMS telah dilaksanakan pada 21 – 22 Feb. 2017. Kehadiran bagi peserta perlu selaras dengan Rekod kehadiran didalam	Pusat Jaminan Kualiti	1. Pejabat Pendaftar 2. Pusat Pembangunan	<u>Maklum balas: Pejabat Pendaftar</u> (i) Telah mengisi borang Borang penyelenggaraan ICT (Sistem Aplikasi)

No. OFI	Klausa	Pernyataan OFI	Pusat Tanggungjawab Terlibat / Sampel Audit	Peneraju Proses dan PTJ lain Terlibat	Pelaksanaan Tindakan
		Sistem Pengurusan Latihan (SPL). Dengan itu, sijil hanya diberikan kepada peserta yang hadir penuh sahaja.		Maklumat dan Komunikasi	telah diisi pada 16/10/2017 dan borang SPICT 17/10/2017. Memohon pihak Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi (iDEC) untuk menyemak modul pengumpulan laporan kerana bilangan CPD latihan adalah berbeza dan nama peserta yang telah direkodkan tidak masuk dalam data SPL. (ii) Telah membangunkan Kriteria Pemberian Sijil Penyertaan Latihan dan berkuat kuasa mulai 10/10/2017. <u>Maklum balas: Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi</u> Cadangan perbincangan antara pihak CQA, Pendaftar dan iDEC bagi mengetahui punca berkaitan penemuan tersebut bagi mengambil tindakan sewajarnya berdasarkan keperluan yang perlu diambil. (emel cadangan telah dihantar kepada CQA pada 2 Nov 2017)

No. OFI	Klausa	Pernyataan OFI	Pusat Tanggungjawab Terlibat / Sampel Audit	Peneraju Proses dan PTJ lain Terlibat	Pelaksanaan Tindakan
OFI-6	9.1	Pemantauan, pengukuran, analisis dan penilaian Didapati, Objektif ISMS telah dikenalpasti bagi mengukur peratusan pembayaran yuran pengajian secara atas talian dengan sasaran 80%. Sasaran yang ditetapkan perlu mengambil kira peratusan yang dikenalpasti di dalam penilaian risiko iaitu 100%. Risiko terhadap perkhidmatan atas talian tidak dikenalpasti semasa penilaian risiko bagi Pejabat Bursar	Pusat Jaminan Kualiti	Pejabat Bursar	<u>Maklum balas: Pusat Jaminan Kualiti</u> Semakan semula penetapan sasaran objektif ISMS semasa Mesyuarat Jawatankuasa Kerja ISMS akan datang. <u>Maklum balas: Pejabat Bursar</u> Penilaian risiko Pejabat Bursar dibuat di dalam bengkel semakan penilaian risiko ISMS pada 27 Sept 2017 berdasarkan kepada hasil pelaksanaan pendaftaran atas talian bagi pelajar asasi pada 1 Jun 2017 dan juga pelajar bacelor pada 6 September 2017. Manakala sasaran 80% bayaran atas talian di dalam objektif ISMS telah dibuat lebih awal. Pejabat Bursar akan mengemaskini sasaran objektif ISMS dalam mesyuarat semakan yang akan datang.

No. OFI	Klausa	Pernyataan OFI	Pusat Tanggungjawab Terlibat / Sampel Audit	Peneraju Proses dan PTJ lain Terlibat	Pelaksanaan Tindakan
OFI-7	8.1 A.9.4.3	Perancangan dan Kawalan Operasi Sistem Pengurusan Kata Laluan Panjang kata laluan bagi sistem e-IHRAMS perlu ditambah baik bagi memenuhi GPKTMK (Garis Panduan Keselamatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi). Pengguna di Jabatan Pendaftar	Pejabat Pendaftar	Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi	<u>Maklum balas: Pejabat Pendaftar</u> Pihak IDEC telah ambil maklum berkenaan perkara ini. Staf yang mempunyai akses ID terhadap sistem ini di Pejabat Pendaftar telah menukar panjang kata laluan mengikut GPKTMK iaitu 8 aksara. <u>Maklum balas: Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi</u> Penambahbaikan terhadap sistem e-IHRAMS dengan pelaksanaan amalan baik penggunaan kata laluan. Cadangan perbincangan antara pihak Pendaftar dan iDEC bagi mengetahui punca berkaitan penemuan tersebut bagi mengambil tindakan sewajarnya berdasarkan keperluan yang perlu diambil. (emel cadangan telah dihantar kepada CQA pada 2 Nov 2017)

No. OFI	Klausa	Pernyataan OFI	Pusat Tanggungjawab Terlibat / Sampel Audit	Peneraju Proses dan PTJ lain Terlibat	Pelaksanaan Tindakan
OFI-8	A.18.1.3	Perlindungan rekod Sistem Maklumat Pelajar (E-Daftar) digunakan untuk pelajar membuat semakan tawaran kemasukan ke UPM. Walau bagaimanapun, paparan Pengesahan Penerimaan Tawaran (Menerima/Menolak) boleh ditambah baik apabila data yang telah dikemaskini tidak dipaparkan dengan sewajarnya. Modul Pengurusan Pra Pendaftaran digunakan oleh pentadbir sistem untuk membuat kemaskini ke atas Pengesahan Penerimaan Tawaran pelajar. Modul ini boleh ditambah baik dengan adanya tarikh untuk menjejak sebarang kerja-kerja kemaskini.	Bahagian Kemasukan & Bahagian Urus Tadbir Akademik	Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi	<u>Maklum balas: Bahagian Kemasukan & Bahagian Urus Tadbir Akademik</u> Laporan senarai calon yang menerima dan menolak tawaran tidak sama dengan senarai terperinci laporan menerima dan menolak tawaran. Semakan dibuat didapati perbezaan data ini adalah disebabkan pentadbir sistem telah membuat pindaan pada penerimaan dan penolakan pada sistem selepas dihubungi oleh calon. Masalah ini telahpun dibetulkan oleh pihak Idec sebaik sahaja teguran dibuat oleh juruaudit. <u>Maklum balas: Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi</u> Penambahbaikan pada Sistem Maklumat Pelajar (e-daftar) dengan memaparkan tarikh kemaskini bagi tujuan jejak. Penambahbaikan kepada sistem bagi menyediakan jejak sebarang kerja-kerja kemaskini akan dibuat serentak dengan isu-isu lain yang dibangkitkan dalam sistem edaftar selepas mendapat input daripada pengguna sistem semasa mesyuarat <i>post mortem</i> e-daftar yang akan diadakan pada 12 Oktober 2017.